



**PEKELILING
LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN SARAWAK
BIL 4 TAHUN 2022**

**SEMUA PEMEGANG KELAS LESEN TEKSI
SARAWAK**

PENJENAMAAN SEMULA PERKHIDMATAN TEKSI DI SARAWAK

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua pemegang kelas lesen Teksi di Sarawak.

2. LATAR BELAKANG

Lembaga pada Mesyuarat Lembaga Bil. 2/2021 dan Bil. 5/2022 telah bersetuju membuat beberapa penambahbaikan pada Dasar Pengeluaran Teksi di Sarawak atas beberapa faktor pertimbangan berikut:

- i. Merangsangkan gambaran baru dan imej teksi di Sarawak ekoran daripada perubahan global dan teknologi;
- ii. Menggalakkan dan memberi peluang kepada pengusaha perkhidmatan teksi di Sarawak untuk menukar kenderaan mereka mengikut ukuran kemampuan kewangan semasa mereka dalam usaha mereka untuk menyediakan perkhidmatan kenderaan yang selesa kepada pengguna; dan
- iii. Sokongan terhadap industri teksi yang merupakan sebuah industri tradisional subur berkembang maju, suntikan semangat baru pelesen dan pemandu berdaya saing serta berdaya tahan dengan industri seangkatan dengannya.

3. PELAKSANAAN

Antara penambahbaikan yang telah dipersetujui adalah seperti berikut:

- 3.1 Warna kenderaan adalah berbentuk liberalisasi dengan menggunakan warna asal daripada keluaran kilang tanpa penentuan kod warna khusus dengan syarat:
 - i. tidak melebihi dua (2) ton warna;
 - ii. tidak berbelang-belang;
 - iii. tidak menyerupai warna atau corak rasmi kenderaan mana-mana agensi penguatkuasa;
 - iv. tidak menyerupai mana-mana kenderaan pengangkutan awam lain; dan
 - v. tidak bercorak/bergambar selain iklan yang diluluskan oleh pihak JPJ.
- 3.2 Kenderaan diwajibkan mematuhi peraturan-peraturan lain yang telah ditetapkan di dalam Kaedah-kaedah Kenderaan Bermotor (Pembinaan dan Kegunaan) 1959 dan Kaedah-Kaedah Kenderaan Bermotor (Pengangkutan Perdagangan);
- 3.3 Diwajibkan kepada pelesen yang memohon permohonan lesen baharu dan menukar kenderaan melalui permohonan ubahsyarat ganti kenderaan;
- 3.4 Bagi kenderaan / teksi sedia ada yang belum membuat permohonan ubah syarat ganti kenderaan adalah diberi pilihan sama ada mengekalkan warna asal iaitu merah dan kuning atau menukar kepada salah satu warna baharu yang ditetapkan:
- 3.5 Had umur melesen kenderaan (baharu / ganti kenderaan) dipanjangkan kepada sepuluh (10) tahun dari tarikh didaftarkan di JPJ;
- 3.6 Model kenderaan memenuhi taraf tiga (3) bintang ASEAN NCAP atau yang setara dengannya; dan
- 3.7 Bagi teksi yang telah menggunakan warna baharu adalah diwajibkan memasang perkataan '**TAXI**' atau '**TEKSI**' di bahagian atas cermin hadapan kenderaan dan boleh dilihat pada waktu malam dengan lampu tulisan nyalaan Diod Pemancar Cahaya (L.E.D) mengikut penetapan spesifikasi dan tatacara pemasangan Diod Pemancar Cahaya (L.E.D) seperti di bawah. Kerjasama daripada pihak


PUSPAKOM dipohon untuk memastikan pemasangan lampu tulisan 'TAXI' atau 'TEKSI' ini mengikut kesesuaian dan penetapan peraturan.

4. Penetapan Spesifikasi Dan Tatacara Pemasangan Diod Pemancar Cahaya (Light Emitting Diode – L.E.D) Pada Kenderaan Teksi



- | | |
|--------------------------|-------------------------|
| Warna Lampu | : Merah / Kuning |
| Warna Latar Belakang | : Hitam |
| Jenis Tulisan | : Arial |
| Jumlah Kuasa Lampu L.E.D | : Tidak Melebihi 7 Watt |

LAMPU L.E.D DILETAK PADA BAHAGIAN ATAS HADAPAN CERMIN KENDERAAN



5. TARIKH KUATKUASA

Pekeliling ini berkuatkuasa mulai dari tarikh ianya dikeluarkan.

6. PENUTUP

Pekeliling ini terpakai kepada semua pemegang kelas lesen Teksi yang berdaftar di LPKP Sarawak.

TARIKH KUATKUASA

7. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai dari tarikh ianya dikeluarkan.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan Amanah,


(MASITAH BINTI ANNUAR)

Setiausaha

Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sarawak

Tarikh : 24.6.2022

s.k. Setiausaha Tetap, Kementerian Pengangkutan Sarawak
Pesuruhjaya Polis Diraja Malaysia, Sarawak
Pengarah, Jabatan Pengangkutan Jalan Sarawak
Pengurus Wilayah PUSPAKOM Sarawak dan Sabah